

KENYATAAN MEDIA

JAMBATAN RUNTUH DI SERDANG, KULIM BANDAR BAHARU, KEDAH

KUALA LUMPUR – Susulan sebuah jambatan runtuhan di Serdang, Kulim Bandar Baharu, Kedah kelmarin, Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin mengesahkan bahawa jambatan yang runtuh tersebut bukan dibina atau di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR), sebaliknya dibawah bidang kuasa Majlis Daerah Kulim Bandar Baharu, Kedah.

Namun demikian, sebagai Tanggungjawab Sosial Jabatan, Bahagian Rekabentuk Jambatan dan Kejuruteraan Forensik, Cawangan Jalan, JKR Malaysia telah dihantar ke lokasi kejadian bagi menjalankan siasatan. Berdasarkan siasatan awal mendapati, punca jambatan tersebut runtuhan adalah akibat runtuhan tanah di struktur abutment jambatan yang menyebabkan abutment tersebut telah teranjak dan gagal lalu menyebabkan kejadian ini berlaku. Kejadian turut mengakibatkan paip air besar di jambatan tersebut pecah.

Tindakan serta merta akibat kejadian ini adalah penanaman kepingan cerucuk (sheet pile) di kawasan abutment untuk menstabilkan tanah. Pihak JKR Daerah Kulim turut ke lokasi bagi memberikan bantuan segera kepada pihak Majlis Kulim Bandar Baharu untuk pemasangan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) selain membina lengcongan jalan sementara bagi memastikan kelancaran trafik di lokasi kejadian. Tindakan segera membaiki paip besar di jambatan tersebut akan dilaksanakan oleh Syarikat Air Darul Aman.

Pasukan ini turut mengesyorkan pembinaan jambatan baharu untuk menggantikan jambatan tersebut dengan mengambil kira tahap aliran sungai, kawalan hakisan tebing, paras limpahan air sungai dan lain-lain aspek teknikal yang perlu dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Majlis Daerah. Laporan teknikal dan terperinci sedang disediakan oleh pasukan ini dan dijangka siap dalam tempoh dua minggu.

KKR menegaskan bahawa dalam setiap projek yang dilaksanakan oleh JKR, perlu dilaksanakan mengikut spesifikasi dan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan serta mengutamakan aspek keselamatan pengguna. JKR juga tidak pernah menggunakan penghadang jalan keluli (galvanised steel railings) seperti yang digunakan di jambatan tersebut.

1/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

KKR tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang selaras akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 jika terbukti ada unsur kecuaian terhadap pihak yang bertanggungjawab. KKR melalui Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) akan mendapatkan maklumat dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai PE (Profesional Engineer) yang bertanggungjawab dengan jambatan ini termasuklah maklumat kontraktor dan Pegawai Pengguna terlibat. Tindakan akan diambil selaras dengan Akta Pendaftaran Jurutera (1967) – pindaan 2015 dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994.

KKR ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan takziah kepada keluarga dua mangsa yang terkorban akibat kejadian jambatan runtuh ini dan mengharapkan pihak keluarga bersabar dengan dugaan yang dialami.

YB BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA

12 SEPTEMBER 2018

2/2

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my